



Anwar melihat replika masjid pada Majlis Perasmian Pembangunan Masjid MADANI Arowana Permatang Pauh sambil diperhatikan Amir Hamzah (kanan) dan Dr Mohamad (tengah) di Bukit Mertajam, semalam.

Institusi zakat diminta lebih proaktif basmi kemiskinan tegar

Bukit Mertajam: Institusi zakat perlu lebih proaktif sebagai instrumen sosial yang mampu menyelesaikan masalah kemiskinan tegar sejajar dengan agenda Kerajaan MADANI yang berasaskan nilai ihsan dan tanggungjawab sosial Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sehubungan itu kerajaan memberikan perhatian serius terhadap penyelesaian isu kemiskinan tegar dan langkah itu perlu disokong oleh semua institusi Islam.

"Kadang-kadang kita anggap zakat sebagai satu ritual biasa iaitu bayar zakat, tetapi lupa bahawa institusi sesebuah negara itu tertegak dengan institusi zakat dan dasar ekonomi yang mesti menyelesaikan masalah rakyat

yang tersisih, terbiar, terpinggir serta termiskin.

"Sebegitu pentingnya soal zakat daripada konteks kemiskinan rakyat," tanggungjawab sosial atas manusia yang daif, zakat itu institusi penting," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pembangunan Masjid MADANI Arowana Permatang Pauh di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid.

Anwar juga menegaskan pembinaan masjid bukan sekadar menzahirkan kemegahan seni bina tetapi berfungsi sebagai pusat pembinaan akidah, akhlak dan

masyarakat berilmu yang menegakkan nilai Islam.

Mengenai pembinaan Masjid MADANI Permatang Pauh yang menelan kos RM75 juta, Anwar yang juga bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, berkata ia dilaksanakan tanpa menggunakan dana kerajaan, sebaliknya dibiayai hasil sumbangan rakan tempatan dan luar negara.

Perdana Menteri memaklumkan dana berkenaan diperoleh menerusi sumbangan sahabatnya di luar negara, manakala selebihnya daripada penderma dalam negara, termasuk-syarikat tempatan.

Masjid di tapak seluas 2.22 hektar di Taman Arowana bersebelahan Lebuhraya Utara-Selatan itu dijangka siap pada suku keempat 2027. BERNAMA